Kata kunci:
'Ibadur-Rahman
Rendah hati
Sabar

Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

27 November 2026 / 17 Jamadilakhir 1448H

'Ibadur-Rahman: Kerendahan Hati dan Kesabaran

ٱلْحَمْدُ لِلّٰهِ ٱلَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا ٱللّٰهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا ٱللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. ٱللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ ٱللّٰهِ، ٱتَّقُوا ٱللّٰهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ .

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Sebagai hamba Allah Yang Maha Pengasih, marilah kita menghargai rahmat-Nya dengan mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita hamba-Nya yang kekal kental keimanannya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudaraku yang dikasihi,

Bermula hari ini hingga ke penghujung tahun, mimbar Jumaat akan menyajikan siri *khutbah tadabbur* yang memberikan penumpuan pada sifat-sifat ***'Ibadur-Rahman***.

Saudaraku, Allah s.w.t. memberikan gelaran kepada sekumpulan hamba-hamba pilihan-Nya dengan gelaran ***"Ibadur-Rahman"*** (Hamba-hamba Allah Yang Maha Pengasih). Allah s.w.t. menerangkan sifat dan keperibadian mereka agar menjadi inspirasi buat kita, dan bersama berusaha meneladani mereka.

Dalam ayat pertama rangkaian ini, iaitu ayat 63 Surah Al-Furqan, Allah s.w.t. berfirman:

وَعِبَادُ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمۡشُونَ عَلَى ٱلۡأَرۡضِ هَوۡنٗا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلۡجَٰهِلُونَ قَالُواْ سَلَٰمٗا ٦٣

Maksudnya: *"Dan **'Ibadur-Rahman**, yakni hamba-hamba Allah Yang Maha Pengasih itu ialah mereka yang berjalan di atas muka bumi dengan **rendah hati**, dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka (dengan kata-kata yang tidak disenangi), mereka mengucapkan 'salam' (kata-kata yang meredakan ketegangan)."*

Perhatikanlah, sidang hadirin, *mengapa Allah memberikan perhatian kepada cara mereka berjalan?*

Mungkin kerana Allah s.w.t. ingin mengajar kita bahawa **'Ibadur-Rahman** sentiasa mengharapkan keredaan-Nya, walaupun menerusi rutin-rutin harian yang remeh, atau yang dipandang kecil, dan gaya berjalan ialah antara contoh yang paling jelas di sini.

Soalan seterusnya: *bagaimanakah cara berjalan yang melayakkan kita meraih keredaan Allah s.w.t.?* Jawapannya terletak pada sifat pertama yang disebut dalam ayat tadi, iaitu **kerendahan hati**. Renungkan kembali; begitu banyak kisah tentang mereka yang tidak memiliki sifat **kerendahan hati** langsung menolak kebenaran.

Abu Jahl menolak dakwah Rasulullah s.a.w. bukan kerana tidak mengetahui kebenarannya, tetapi keangkuhan dan kecintaannya pada kedudukan menghalangnya daripada **merendah hati** di hadapan Baginda s.a.w.

Begitu juga halnya dengan Iblis yang enggan sujud (sebagai tanda penghormatan) kepada Nabi Adam a.s. kerana merasakan dirinya lebih mulia.

Jemaah sekalian,

Seterusnya, Allah s.w.t. menyebutkan sifat kedua **'Ibadur-Rahman**: *"dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka (dengan kata-kata yang tidak disenangi), mereka mengucapkan 'salam' (kata-kata yang meredakan ketegangan)."*

Perhatikan bagaimana Allah s.w.t. memberitakan sesuatu yang pasti berlaku ketika berjalan di bumi Allah ini: kita bertemu dengan pelbagai ragam manusia. Lumrahnya, tidak semua orang berkelakuan baik di tempat awam. Jadi, bagaimanakah reaksi kita? Wajarkah kita berjalan dengan **rendah hati**, tetapi

pada masa yang sama membalas keburukan dengan keburukan yang sama? Pastinya tidak!

Itulah sebabnya Allah s.w.t. menganjurkan kita memberikan respons yang menenangkan situasi ketika berhadapan dengan aura negatif.

Sidang hadirin, mesej yang ingin disampaikan sebenarnya lebih daripada sekadar reaksi yang baik. Kerana, untuk membalas sesuatu keburukan dengan reaksi yang baik memerlukan kematangan pemikiran, kebijaksanaan, **kesabaran** dan kemampuan mengawal emosi. Inilah cabaran setiap insan. Mungkin inilah sebabnya **'Ibadur-Rahman** begitu istimewa di pandangan Allah.

Tuan-tuan, keegoan sering mendorong manusia membalas keburukan dengan keburukan. Namun **kesabaran 'Ibadur-Rahman** membolehkan mereka berdepan dengan dugaan kehidupan. Manakala kebijaksanaan membolehkan mereka menilai suatu situasi dengan lebih cermat.

'Ibadur-Rahman tidak melihat mereka yang berbeza pandangan mahupun perwatakan dengannya sebagai musuh yang perlu dikalahkan. Memadai baginya menepiskan tuntutan keegoan dan memberikan respons yang meluruhkan ketegangan. Ingatlah panduan Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

“(Mereka) yang gagah bukanlah yang mampu bergusti. Sebaliknya, (mereka) yang gagah ialah yang dapat mengawal dirinya ketika marah.” (Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Sidang hadirin rahimakumullah,

Kerendahan hati terbit daripada kesedaran bahawa keagungan dan kemuliaan adalah milik Allah, dan kita hanyalah hamba-Nya yang kerdil.

Nyawa berada di luar kuasa dan pengetahuan kita. Rezeki pula mengikut iradat Tuhan Yang Maha Esa. Maka, bagaimana mungkin kita merasa tinggi diri sedangkan tiada sesuatu yang kita miliki kecuali pinjaman semata? Allah s.w.t. mengingatkan kita dalam Surah An-Nahl, ayat 53 yang bermaksud: *“Dan apa sahaja nikmat yang ada pada kamu, maka ia datang daripada Allah...”*

Maka marilah kita menzahirkan sifat **kerendahan hati dan kesabaran** yang lahir daripada bertadabbur ayat-ayat yang dibacakan tadi. Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita antara **‘Ibadur-Rahman** yang dikasihi-Nya, yang kehadirannya membawa kedamaian dan akhlaknya mencerminkan rahmat Allah Yang Maha Pengasih. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُوْلُ قَوْلِي هَذا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الغَفُوْرُ الرَّحِيْم.

Khutbah Kedua

الحَمْدُ للهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانتَهُوا عَمَّا نَهَاكُم عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَال فِي كِتَابِهِ العَزِيزِ: إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ المَهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَن بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُم وَفِيهِم بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ، وَالمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ، الأَحْيَاءِ مِنهُم وَالأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا البَلَاءَ وَالوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالمِحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ البُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ العَالَمِينَ. اَللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِيْنَ فِي غَزَّة وَفِي فِلِسْطِينَ وَفِيْ كُلِّ مَكَانٍ

عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنيَا حَسَنَةً، وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي القُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الفَحْشَاءِ وَالمُنكَرِ وَالبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَاذكُرُوا اللهَ العَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِن فَضْلِهِ يُعْطِكُم، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.